Rancangan Pengajaran Tahunan

Pendidikan Islam

Prasekolah

2027

CONTOH

Nama Guru : _____

Sekolah : _____



Minggu / Tema	Standard Pembelajaran	Objektif Pembelajaran	Kesepaduan	Aktiviti Pembelajaran	Standard Prestasi
Minggu 19 Haiwan Liar	**PI 2.1.2** Melafaz kalimah bagi memuji keesaan dan kebesaran Allah SWT. **PI 1.1.2** Mengenal dan menyebut bunyi huruf hijaiyah berbaris satu.	Melafazkan Allahuakbar terhadap ciptaan Allah SWT dan menyebut bunyi huruf hijaiyah berbaris bawah.	**SE 4.4.1** Menyayangi dan menghargai haiwan dan tumbuhan.	**Aktiviti 1: Kebesaran Allah** Murid melihat gambar haiwan besar dan kecil. Murid melafazkan Allahuakbar dan menyatakan bahawa Allah SWT mencipta semua haiwan. **Aktiviti 2: Baris Bawah (Kasrah)** Murid mendengar dan menyebut bunyi huruf hijaiyah berbaris bawah mengikut guru. Murid menyusun kad huruf berbaris bawah pada carta.	PI1: TP1–TP3 PI3: TP1–TP3
Minggu 20 Serangga	**PI 2.1.2** Melafaz kalimah bagi memuji keesaan dan kebesaran Allah SWT. **PI 1.1.3** Menghafaz surah daripada Juz Amma dengan betul.	Melafazkan Subhanallah terhadap ciptaan Allah SWT dan membaca Surah Al-Fatihah secara hafazan.	**KF 1.2.1** Meneroka kejadian alam.	**Aktiviti 1: Serangga Kecil Ciptaan Allah** Murid menyatakan kebaikan serangga seperti lebah yang menghasilkan madu. Murid melafazkan Subhanallah selepas pemerhatian. **Aktiviti 2: Hafazan Al-Fatihah** Murid membaca Surah Al-Fatihah secara berkumpulan. Murid bergilir membaca surah tersebut secara individu di hadapan guru.	PI1: TP1–TP3 PI3: TP1–TP3
Minggu 21 Air dan Udara	**PI 2.1.2** Melafaz kalimah bagi memuji keesaan dan kebesaran Allah SWT. **PI 1.3.1** Melakukan wuduk dengan betul dan tertib.	Melafazkan Alhamdulillah atas nikmat air dan melakukan wuduk mengikut tertib dengan bimbingan.	**SE 4.4.3** Mengamalkan penjimatan sumber.	**Aktiviti 1: Air Nikmat Allah** Murid menyatakan kegunaan air dalam kehidupan harian. Murid melafazkan Alhamdulillah sebagai tanda syukur atas nikmat air. **Aktiviti 2: Jom Berwuduk** Murid melakukan amali wuduk mengikut tertib dengan bimbingan guru. Murid menggunakan air secukupnya semasa berwuduk.	PI2: TP1–TP3 PI3: TP1–TP3
Minggu 22 Api dan Keselamatan	**PI 2.2.1** Mempamerkan adab dalam aktiviti harian. **PI 1.1.2** Mengenal dan menyebut bunyi huruf hijaiyah berbaris satu.	Menyatakan adab mendengar nasihat ibu bapa dan menyebut bunyi huruf hijaiyah berbaris hadapan.	**FK 1.3.6** Mengenal pasti cara mengelak daripada kecederaan semasa aktiviti harian.	**Aktiviti 1: Patuh Nasihat Ibu Bapa** Murid mendengar cerita kanak-kanak yang patuh nasihat ibu bapa agar tidak bermain api. Murid menyatakan adab mendengar nasihat orang tua. **Aktiviti 2: Baris Hadapan (Dhommah)** Murid mendengar dan menyebut bunyi huruf hijaiyah berbaris hadapan mengikut guru. Murid membezakan bunyi baris atas, bawah dan hadapan melalui permainan kad.	PI1: TP1–TP3 PI4: TP1–TP3

CONTOH

Minggu / Tema	Standard Pembelajaran	Objektif Pembelajaran	Kesepaduan	Aktiviti Pembelajaran	Standard Prestasi
Minggu 27 Alat Muzik	**PI 2.1.2** Melafaz kalimah bagi memuji keesaan dan kebesaran Allah SWT. **PI 1.1.3** Menghafaz surah daripada Juz Amma dengan betul.	Melafazkan zikir memuji Allah SWT dan membaca Surah Al-Ikhlas secara hafazan.	**KE 1.2.2** Mengenal pelbagai bunyi di persekitaran. **KE 2.2.3** Menggunakan pelbagai alat muzik untuk memainkan corak irama melodi lagu.	**Aktiviti 1: Zikir Berirama** Murid melafazkan Subhanallah, Alhamdulillah dan Allahuakbar mengikut rentak tepukan. Murid mengulang zikir tersebut secara berkumpulan. **Aktiviti 2: Hafazan Al-Ikhlas** Murid membaca Surah Al-Ikhlas secara berkumpulan. Murid bergilir membaca surah tersebut secara individu di hadapan guru.	PI1: TP1–TP3 PI3: TP1–TP3
Minggu 28 Teknologi	**PI 2.2.1** Mempamerkan adab dalam aktiviti harian. **PI 1.5.1** Mengecam dan menyebut huruf jawi.	Mempamerkan adab menggunakan peranti dan mengecam huruf jawi ha hingga ra.	**SE 1.4.1** Mengenal pasti perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan dalam kehidupan seharian.	**Aktiviti 1: Adab Guna Peranti** Murid menyenaraikan adab menggunakan peranti seperti meminta izin dan menjaga peralatan. Murid menghasilkan poster peraturan mudah untuk sudut teknologi. **Aktiviti 2: Huruf Jawi Digital** Murid mengecam huruf jawi ha hingga ra melalui permainan di skrin interaktif. Murid menyebut huruf yang dipilih sebelum menyentuhnya.	PI4: TP1–TP3
Minggu 29 Mesin dan Jentera	**PI 2.2.1** Mempamerkan adab dalam aktiviti harian. **PI 1.3.2** Melakukan perlakuan solat dengan betul dan tertib.	Mempamerkan adab meminta bantuan dan meniru perlakuan berdiri tegak, takbiratulihram dan rukuk.	**FK 1.3.6** Mengenal pasti cara mengelak daripada kecederaan semasa aktiviti harian.	**Aktiviti 1: Adab Meminta Bantuan** Murid melakonkan cara meminta bantuan orang dewasa dengan sopan. Murid mengucapkan terima kasih selepas dibantu. **Aktiviti 2: Perlakuan Solat** Murid melihat demonstrasi perlakuan solat iaitu berdiri tegak, takbiratulihram dan rukuk. Murid meniru perlakuan tersebut dengan bimbingan guru.	PI2: TP1–TP3 PI4: TP1–TP3

CONTOH

Minggu / Tema	Standard Pembelajaran	Objektif Pembelajaran	Kesepaduan	Aktiviti Pembelajaran	Standard Prestasi
Minggu 40 Negeri di Malaysia	**PI 1.2.2** Menyatakan Rukun Islam. **PI 2.1.1** Melafazkan kalimah syahadah.	Menyatakan lima Rukun Islam dan melafazkan dua kalimah syahadah dengan lancar.	**SE 4.3.1** Menghargai bahasa, adat resam dan perayaan di Malaysia dan/atau global.	**Aktiviti 1: Lima Rukun Islam** Murid menyusun dan menyebut kad lima Rukun Islam mengikut urutan. Murid menunjuk gambar yang sepadan dengan setiap rukun. **Aktiviti 2: Syahadah Rukun Pertama** Murid melafazkan dua kalimah syahadah sebagai Rukun Islam yang pertama. Murid melafazkannya secara individu dengan lancar.	PI3: TP1–TP3
Minggu 41 Seni Kreativiti	**PI 1.3.1** Melakukan wuduk dengan betul dan tertib. **PI 2.2.2** Melafazkan doa dalam aktiviti harian.	Melakukan wuduk dengan betul dan tertib serta melafazkan doa selepas wuduk.	**KE 2.1.1** Mempamerkan daya imaginasi dan perasaan seronok dalam menghasilkan karya seni.	**Aktiviti 1: Susun Langkah Wuduk** Murid menyusun kad langkah wuduk mengikut tertib. Murid melakukan amali wuduk dengan betul dan tertib. **Aktiviti 2: Doa Selepas Wuduk** Murid melafazkan doa selepas wuduk mengikut guru. Murid mengamalkan doa tersebut selepas amali wuduk.	PI2: TP1–TP3 PI4: TP1–TP3
Minggu 42 Kembara Bahasa	**PI 1.3.2** Melakukan perlakuan solat dengan betul dan tertib. **PI 2.2.1** Mempamerkan adab dalam aktiviti harian.	Melakukan perlakuan solat dengan betul dan tertib serta mempamerkan adab bertutur.	**BM 2.1.2*** Berinteraksi dengan sebutan yang jelas dan sopan dalam perbualan harian.	**Aktiviti 1: Jom Praktik Solat** Murid melakukan urutan berdiri, rukuk, iktidal, sujud, duduk antara dua sujud dan salam dengan bimbingan. Murid mengulang perlakuan solat dengan betul dan tertib. **Aktiviti 2: Adab Bertutur** Murid mengenal adab bertutur seperti bercakap perlahan, tidak menyampuk dan memberi salam. Murid mengamalkan adab tersebut semasa sesi bercerita.	PI2: TP1–TP3 PI4: TP1–TP3
Minggu 43 Persediaan ke Tahun 1	**PI 1.3.3** Memahami ibadah puasa. **PI 1.4.1** Bercerita tentang Nabi Muhammad SAW.	Menyatakan pengertian puasa dan bercerita tentang Nabi Muhammad SAW.	**SE 4.1.2** Berupaya bertindak sendiri dan mengamalkan sikap bertanggungjawab.	**Aktiviti 1: Ibadah Puasa** Murid menyatakan pengertian puasa, niat dan perkara yang membatalkan puasa. Murid melakonkan suasana bersahur dan berbuka puasa. **Aktiviti 2: Cerita Nabi Kesayanganku** Murid bercerita semula tentang Nabi Muhammad SAW menggunakan buku gambar. Murid menyebut nama penuh, tempat dan hari lahir baginda.	PI: formatif

CONTOH